

MAJLIS AKREDITASI DAN PENDIDIKAN SENIBINA MALAYSIA (MAPSM)

Lembaga Arkitek Malaysia
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
Tel : 03-26982878 / 03-26107087 Fax : 03-26936881
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM MAPSM BIL.2/2016

Pelantikan Pensyarah Warga Asing untuk Pengajaran Studio Rekabentuk

Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (MAPSM) maklumi hasrat dan objektif penyedia pendidikan senibina (AEP) melantik ahli akademik dan profesional dari luar negara untuk berkhidmat sebagai tenaga pengajar dalam program senibina.

Objektif pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada pihak AEP tentang pelantikan pensyarah warga asing untuk pengajaran studio rekabentuk:

A. Ketetapan Umum:

1. Subseksyen 3.2.5(ii) pada Kriteria 5 dalam *The Manual of Accreditation for Architecture Programme (MAAP)* menyatakan bahawa staf akademik yang terlibat mengajar, menyelia, menyelaras, dan mengurus Studio Rekabentuk bagi program yang menjurus kepada kelayakan LAM Bahagian I, seseorang staf itu mesti memiliki sekurang-kurangnya kelayakan ijazah yang diiktiraf dan setaraf dengan LAM Bahagian II.
2. Dibawah subseksyen yang sama, MAAP menyatakan bahawa bagi staf akademik yang ditugaskan untuk mengajar, menyelia, menyelaras, atau mengurus Studio Rekabentuk program yang menjurus kepada kelayakan LAM Bahagian II, seseorang staf itu mesti memiliki sekurang-kurangnya kelayakan ijazah yang diiktiraf dan setaraf dengan LAM Bahagian II. Tambahan kepada peruntukan ini, seseorang staf akademik itu mesti memiliki sekurang-kurangnya ijazah Sarjana dan pengalaman mengajar selama tidak kurang dari lima (5) tahun atau memperoleh kelayakan LAM Bahagian III dengan pengalaman praktis selama tidak kurang dari lima (5) tahun.
3. Lanjutan dari peruntukan di atas, subseksyen 3.2.5(iii) dalam MAAP turut menjelaskan bahawa setiap tenaga pengajar senibina MESTI berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) menurut tahap kelayakan senibina yang mereka miliki.

B. Ketetapan Pelantikan Pensyarah Warga Asing Tanpa Kelayakan yang Diiktiraf

Bahagian ini menjelaskan peraturan mengenai pelantikan pensyarah warga asing yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan yang dituntut oleh peraturan pada subseksyen 3.2.5(ii) and (iii) dalam MAAP:

1. Pensyarah Warga Asing dengan Kelayakan Profesional:
Pensyarah warga asing yang berdaftar sebagai Arkitek Profesional dengan pertubuhan profesional di negara mereka, atau di negara di mana mereka memegang pendaftaran sah sebagai Arkitek Profesional, mestilah memohon kebenaran dari LAM untuk pengesahan kelayakan mengajar studio rekabentuk.
2. Pensyarah Warga Asing dengan Kelayakan Akademik:
Pensyarah warga asing berkelayakan ijazah Kedoktoran Falsafah atau Sarjana yang sudahpun memiliki ijazah pertama yang diperolehi selepas mengikuti tempoh pengajian dalam bidang senibina selama tidak kurang dari lima (5) tahun seperti mana ketetapan dalam International Union of Architects (UIA) Accord mestilah memohon kebenaran dari LAM untuk pengesahan kelayakan mengajar studio rekabentuk.
3. Permohonan bertulis perlu dibuat kepada Setiausaha Kehormat MAPSM dengan menyertakan dokumen berikut:
 - a. Salinan sah Surat Lantikan yang dikeluarkan oleh AEP
 - b. Salinan sah passport yang masih sah
 - c. Salinan sah visa atau permit kerja yang masih sah
 - d. Salinan sah ijazah pertama yang diperolehi setelah menamatkan program lima (5) tahun dalam bidang senibina
 - e. Salinan sah surat atau sijil yang dikeluarkan oleh badan profesional di negara pemohon yang mentauliahkan pendaftaran pemohon sebagai Arkitek Profesional/Berdaftar/Berlesen yang sah (hanya berkaitan dengan calon dalam kategori B1)
 - f. Salinan sah *curriculum vitae* yang lengkap dan terbaharu
 - g. Surat sokongan dari Dekan atau Ketua Jabatan/Program
 - h. Dua (2) gambarfoto warna terbaharu bersaiz dari-bahu-ke-kepala
 - i. Bayaran yuran yang ditetapkan.
4. Sekiranya diperlukan, semasa permohonan diproses, LAM mungkin memanggil calon untuk menghadiri sesi temuduga.
5. Sekiranya calon berjaya melepasi proses permohonan ini, LAM akan mengeluarkan surat yang memberikan kebenaran bagi membolehkan calon mengajar studio rekabentuk yang dirujuk sebagai Surat Kebenaran.
6. Tempoh kuatkuasa Surat Kebenaran adalah dipadankan dengan tempat dan tempoh pelantikan. Ia akan berkuatkuasa sepanjang tempoh lantikan pemohon sebagai ahli akademik di AEP berkenaan. Sekiranya seseorang ahli akademik menukar pekerjaannya ke AEP yang lain, maka Surat Kebenaran yang diberikan kepadanya secara automatik terbatal dan menjadi tidak sah. Lantaran dari itu, permohonan Surat Kebenaran yang baru perlulah dimohon.

C. Laluan Alternatif untuk Mendapatkan Kelayakan dan Pendaftaran dengan LAM

Alternatif kepada peraturan yang ditetapkan di atas, pensyarah warga asing yang berhasrat untuk melalui proses biasa dalam usahanya untuk mendapatkan kelayakan LAM Bahagian I, II dan III dan pendaftaran dengan LAM perlulah menuruti ketetapan prosedur seperti yang telah diizinkan oleh Akta Arkitek 1967.



(Ar. ZURAINA LEILY AWALLUDIN)
Setiausaha Kehormat
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia

Februari 2016